

**PENGAMALAN KOMUNIKASI KEMANUSIAAN PENSYARAH POLITEKNIK
SULTAN AZLAN SHAH DALAM PROSES PEMBELAJARAN DAN
PEMUDAHCARAAN (PDPC)**
(The Practice of Humanistic Communication of Lecturers in Politeknik Sultan Azlan Shah in
Teaching and Learning)

* Zulkefli Aini¹, Abu Hashim Saad²

¹Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan,
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti,
Fakulti Pengajian Islam, UKM

²Politeknik Sultan Azlan Shah,
35950 Behrang, Perak

*Corresponding author's email: zulaini@ukm.edu.my

Article History:

Submit: 15 May 2018

Accepted: 4 June 2018

Revised: 30 June 2018

Published: 30 June 2018

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 2, No. 1 (2018), 47-57

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Secara khususnya, kajian ini membincangkan tentang komunikasi kemanusiaan menerusi tiga unsur utama iaitu al-Nafs (jiwa), al-`Aql (akal) dan al-Qalb (hati). Seramai 60 orang responden telah dipilih untuk menjawab soal selidik yang telah diedarkan. Responden yang dipilih terdiri daripada pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang Perak. Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif menggunakan skor kekerapan, peratusan dan min dalam menganalisa hasil kajian. Manakala, kaedah analisis secara statistik inferensi ANOVA juga digunakan bagi mencari perbezaan dan ramalan dalam menentukan dapatan bagi kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah kerap mengamalkan komunikasi kemanusiaan dalam sesi PdPc mereka. Bagi komunikasi kemanusiaan menerusi unsur al-Nafs (jiwa) keseluruhan, dapatan kajian terhadap item soalan tersebut berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min= 4.47). Sementara itu, menerusi unsur al-Aql (akal) nilai purata min keseluruhan adalah tinggi iaitu (min=4.27) manakala komunikasi kemanusiaan melalui unsur al-Qalb (hati) mendapati nilai purata min keseluruhan juga adalah tinggi iaitu (min=4.27). Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam kalangan pensyarah PSAS yang berlainan daripada aspek taraf pendidikan dan pengalaman mengajar. Beberapa implikasi telah dikemukakan hasil daripada dapatan kajian yang dapat membuktikan kerelevanan kajian yang dijalankan.

Kata Kunci: Komunikasi Kemanusiaan, PdPc, jiwa, akal, hati

Abstract

This study aims to identify the implementation of humanistic communication in the learning and consultation among lecturers of Polytechnic Sultan Azlan Shah. This study, particularly discuss the aspect of humanistic communication through three (3) main elements ie. Al Nafs (soul), Al- `Aql (mind) and al-Qalb (heart). 60 respondents consist of lecturers from Polytechnic Sultan Azlan Shah were selected to answer the questionnaire which was prepared by the researcher. Collected data are analyzed using descriptive statistical approach utilizing mean, mode and percentage while inferential statistical analysis (ANOVA) is also used in detecting the differences and forecasting in in determining the findings of the study. The findings of the study show that lecturers of Polytechnic Sultan Azlan Shah frequently practice humanistic communication in their teaching, learning and consultation. The overall findings on the aspect of Al- Nafs (soul) marks the highest with the mean of 4.47, al- Aql (mind) and al-Qalb (heart) are respectively high with the mean of 4.27. This study also shows that there is no significant difference in the application of humanistic communication among lecturers from different level of education background and teaching experience. The evidence of relevancy has been proven with the highlighting of several implications produced from the findings of the study.

Keywords: Humanistic Communication, teaching learning and consultation, soul, mind, heart

1.0 PENDAHULUAN

Dalam kehidupan seharian, komunikasi adalah suatu perkara atau aktiviti yang tidak dapat dielakkan, tanpa aktiviti komunikasi ini manusia akan berada di dalam kesunyiaan dan ketinggalan jauh dari pelbagai aspek dalam kehidupan. Untuk itu, komunikasi sering dianggap sebagai proses biasa yang sentiasa berlaku dalam kehidupan manusia seharian. Sebenarnya, kehidupan manusia sama seperti makhluk lain yang tidak terlepas dari proses komunikasi. Komunikasi berlaku di dalam diri manusia, sesebuah keluarga, organisasi dan masyarakat. Oleh itu, manusia harus belajar berkomunikasi supaya aktiviti ini akan menjadi lebih berkesan supaya mesej yang hendak disampaikan itu dapat diterima, difahami, dan dapat mencapai matlamat seperti mana yang dikehendaki (Mohd Khairuddin Abdullah et al., 2014). Sementara itu, komunikasi yang berelemenkan kemanusiaan memainkan peranan yang amat penting dalam proses PdPc. Ini kerana hampir segala aktiviti dalam proses PdPc melibatkan proses komunikasi kemanusiaan tersebut. Pada masa kini, akibat perkembangan ICT di peringkat global khususnya dalam bidang pendidikan maka komunikasi dalam PdPc juga turut berubah kesan daripada perkembangan tersebut. Justeru, kajian ini telah melihat konsep komunikasi kemanusiaan dalam PdPc bagi pensyarah di politeknik.

2.0 KONSEP KEMANUSIAAN DALAM KOMUNIKASDI MELALUI PROSES PDPC

Menurut Mohd Khairuddin Abdullah (et al., 2014), sekolah dan institusi pengajian tinggi merupakan tempat yang paling banyak berlakunya proses komunikasi khususnya dalam bilik darjah/kuliah iaitu semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, tenaga pengajar perlu memastikan komunikasi berlaku dengan berkesan khususnya komunikasi bersifat kemanusiaan. Untuk itu, menurut Mohd. Safar Hashim & Fatimah Yusoff (1988), komunikasi kemanusiaan ini melibatkan komunikasi lisan dan bukan lisan. Komunikasi ini perlu dianggap sebagai satu unit yang lengkap, tidak terpisah dan kedua-duanya akan bersatu dan bersepadu antara satu sama lain untuk menyampaikan sesuatu mesej. Kemahiran guru mengaplikasikan kedua-dua komunikasi ini dapat meningkatkan keberkesanan proses PdPc yang dijalankan. Komunikasi lisan ialah apabila guru berinteraksi dengan pelajar ketika bercakap, memberi penjelasan, menyoal, meneguh, menegur, mengarah, menghampiri dan sebagainya. Manakala komunikasi bukan lisan berlaku melalui hubungan mata, pergerakan badan, air muka, pakaian, ketrampilan, penglibatan pendengar, penggunaan gurau senda dan sifat semula jadi guru (Mohd Shafiee et al., 2008; Muste, 2016).

Sementara itu, menurut Khairul Anuar A. Rahman (2012), guru yang berkesan ialah pendidik yang mempunyai elemen-elemen kemanusiaan dalam berkomunikasi dengan pelajarannya dan dapat memberi kesan kepada pelajarannya dari segi personaliti dan mampu membawa perubahan tingkahlaku kepada pelajarannya. Elemen-elemen kemanusiaan tersebut ialah kemesraan dan sikap memahami. Sementara itu, guru merupakan contoh dan model kepada pelajar. Segala ciri dan tingkahlaku peribadi guru banyak mempengaruhi pelajar. Interaksi antara mereka harus berlaku dengan kualiti hubungan yang erat, kemesraan, sokongan hormat dan sensitiviti. Selain itu, berkomunikasi dengan ramah dan mengambil berat perihal kebajikan anak murid jua merupakan ciri-ciri guru yang berkesan (2009; Khairul Anuar, 2012; Mohd Khairuddin et al., 2014; Khan, 2017).

Komunikasi kemanusiaan ialah komunikasi yang lahir menerusi komunikasi intrapersonal yang mempunyai kaitan dengan fitrah manusia, diciptakan oleh Allah SWT dengan mempunyai elemen fitrah yang disepadukan melalui dimensi lain seperti *ilahiyyah* (ketuhanan) dan *'alamiyyah* (nilai-nilai sejagat dan universal). Komunikasi kemanusiaan atau komunikasi fitrah ini melibatkan unsur-unsur dalaman seorang insan seperti *al-'aql*, *al-Qalb*, *al- ruh*, *al-nafs* dan *al-fitrah*. Ia dibangunkan menerusi dasar iman, Islam dan takwa dan melibatkan proses tertentu seperti *ulu al-albab* (gabungan fikir dan zikir), khalifah dan *istikhlaf*, *al-falah* (kejayaan), kualiti *al-nafs* seperti *al-nafs al-mutma'inah*, *nafs al-kamilah*, *nafs marddiyyah* dan *nafs radiyyah* dan kualiti *'ibad al-Rahman* (hamba Allah SWT) (Armawati 2012). Selain itu, menurut Mazdalifah (2004) komunikasi kemanusiaan lahir daripada komunikasi berbentuk intrapersonal yang berlangsung dalam diri seseorang, wujud dalam diri manusia seperti apa yang mereka fikirkan, nilai-nilai yang mereka anuti, reaksi terhadap sesuatu, khayalan yang bermain dalam minda dan mimpi yang bermain dalam tidur mereka. Oleh itu, baginya komunikasi kemanusiaan menjadikan seseorang itu membentuk sesuatu pengertian bagi dirinya dengan melibatkan perhubungan secara langsung atau beperantara sama ada secara lisan atau secara bukan lisan dengan mempunyai sifat-sifat kemanusiaan seperti kasih sayang, berakhlak, sopan santun, hormat-menghormati, simpati, terbuka dan sifat-sifat positif yang lain.

Al-Ghazali (1980) menyatakan empat elemen dalaman manusia yang melahirkan entiti kerohanian dan kemanusiaan ialah *al-Ruh*, *al-Nafs*, *al-'Aql*, dan *al-Qalb*. Manakala gabungan di antara aktiviti *al-Nafs*, *al-'Aql* dan *al-Qalb* akan menghasilkan komunikasi intrapersonal atau kemanusiaan yang menjadi tunjang utama proses komunikasi manusia sebelum berkomunikasi dengan bentuk-bentuk yang lain seperti komunikasi interpersonal, dakwah dan sebagainya.

Proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) merupakan aktiviti yang banyak melibatkan komunikasi terutamanya antara guru dengan murid. Oleh itu, penggunaan komunikasi yang berkesan terutamanya mengandungi elemen-elemen kemanusiaan adalah perlu dalam memastikan pengajarannya tercapai dan dapat menyempurnakan fungsinya sebagai pendidik, pembimbing, pemimpin dan pendorong kepada pelajar. Kelemahan guru berkomunikasi dengan berkesan dengan memasukkan elemen-elemen kemanusiaan bukan sahaja boleh menyebabkan objektif PdPc yang dirancang gagal tetapi turut menyebabkan pelajar mengalami perasaan tidak puas hati, kecewa, tekanan psikologi, kesihatan fizikal, kesepian dan hilang perasaan kasih sayang. Justeru, kelemahan guru dalam berkomunikasi dengan unsur-unsur kemanusiaan iaitu bercakap kasar, suka memaki, menampar, suka memberi kuliah, berleter berjela-jela dikatakan turut mempengaruhi tingkahlaku pelajar. Sebenarnya, guru perlu bijak menyusun strategi agar komunikasi mereka dengan pelajar dapat berlaku secara harmonis, saling bantu membantu dan hormat menghormati supaya tidak timbul konflik antara mereka (Mohd Khairuddin Abdullah et al., 2014).

Menurut Sulaiman Md. Yassin et al. (2002), terdapat beberapa bentuk komunikasi kemanusiaan yang boleh menghasilkan pengajaran yang berkesan, antaranya ialah sentiasa bersikap positif dan bercakap tentang perkara yang baik dan benar. Individu yang berkomunikasi secara kemanusiaan akan menggunakan perkataan yang tepat dan ringkas serta mempunyai tekanan suara yang lembut tetapi jelas ketika berkomunikasi. Seseorang guru juga akan menggelakkan diri daripada suka mengkritik dan sentiasa menjaga air muka, pertuturan dan hubungan mata ketika menyampaikan ilmu. Oleh itu, keberkesanan proses PdPc akan terjejas sekiranya guru gagal mewujudkan komunikasi yang baik. Ini sekaligus memberi kesan kepada pelajar kerana maklumat yang disampaikan akan sukar difahami dan disalah tafsir.

Syofia Ulfah et al. (2013) menyatakan kegagalan guru menarik minat pelajar mengikuti aktiviti PdPc berpunca daripada sikap guru yang tidak membina hubungan iaitu dengan tidak mewujudkan rasa simpati dan saling berpengertian. Sebenarnya, hubungan yang baik akan mewujudkan perasaan seronok untuk belajar, berkongsi kejayaan dan berbicara dengan bahasa hati mereka. Hal ini disokong oleh Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2014) yang menegaskan bahawa kegagalan guru melaksanakan komunikasi kemanusiaan dengan pelajar dilihat apabila guru sering menunjukkan sikap suka marah-marah. Terdapat juga sebilangan guru yang menggunakan serangan verbal iaitu serangan lisan kepada pelajar seperti suka menyerang peribadi pelajar, menghina dan mengkritik latar belakang pelajar dan merendah-rendahkan kebolehan pelajar. Serangan verbal seperti ini boleh menyebabkan kecederaan psikologi kepada pelajar.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengenalpasti tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam kalangan pensyarah politeknik Sultan Azlan Shah ketika berkomunikasi dengan pelajar
- b) Mengenalpasti perbezaan pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam PdPc berdasarkan taraf pendidikan dalam kalangan pensyarah politeknik Sultan Azlan Shah
- c) Mengenalpasti perbezaan pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam PdPc berdasarkan pengalaman mengajar dalam kalangan pensyarah politeknik Sultan Azlan Shah

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Maklumat dan data kajian rintis ini diperolehi melalui soal selidik dan pemerhatian. Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah politeknik yang dibataskan kepada PSAS di negeri Perak. Sampel kajian adalah seramai 60 orang pensyarah PSAS. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah persampelan secara rawak mudah. Kaedah ini dipilih oleh pengkaji bagi memastikan setiap individu mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian. Oleh kerana persampelan rawak mudah mengkehendaki setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk diambil sebagai sampel, persampelan rawak mudah sesuai dilaksanakan sekiranya populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang

seragam dan sama. Sementara itu, persampelan jenis ini merupakan persampelan yang paling asas dan ia menjadi dasar kepada rekabentuk persampelan lain (Mohd. Majid Konting 2000).

5.0 DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

5.1 Mengenalpasti tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam kalangan pensyarah politeknik Sultan Azlan Shah ketika berkomunikasi dengan pelajar

Pengkaji telah membahagikan pengamalan komunikasi kemanusiaan berdasarkan unsur *al-Nafs* (jiwa), *al-`Aql* (akal) dan *al-Qalb* (hati) dalam kalangan pensyarah politeknik Sultan Azlan Shah ketika berkomunikasi dengan pelajar. Justeru, pengkaji menganalisa menggunakan statistik deskriptif menerusi unsur-unsur tersebut berdasarkan taburan jawapan responden mengikut peratusan dan skor min.

1. Unsur *al-Nafs* (Jiwa)

Bagi unsur *al-Nafs* (jiwa) terdapat 10 item soalan yang disediakan dalam mengenal pasti tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur tersebut dalam kalangan pensyarah politeknik Sultan Azlan Shah ketika berkomunikasi dengan pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian terhadap item soalan tersebut berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min= 4.47). Analisis taburan min secara terperinci bagi semua item soalan berada pada tahap yang tinggi. Analisis keseluruhannya dapat dilihat menerusi Jadual 1 seperti berikut:

Jadual 1: Taburan Peratusan, Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Pengamalan Komunikasi Kemanusiaan Menerusi Unsur *al-nafs* (jiwa) Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Premier Ketika Berkomunikasi Dengan Pelajar

Bil	Pernyataan	Peratus (%)					Min	S.P*
		STK*	TK*	TP*	K*	SK*		
1	Saya mengamalkan sesi suai kenal dengan pelajar pada hari pertama pertemuan PdPc	-	-	-	38.3	61.7	4.61	.49
2	Saya menasihati pelajar supaya mengamalkan sahsiah yang mulia ketika berkomunikasi dengan orang lain.	-	-	1.7	45.0	53.3	4.51	.53
3	Saya memberi perhatian terhadap segala percakapan pelajar-pelajar semasa proses PdPc dijalankan	-	1.7	3.3	41.7	53.3	4.46	.65
4	Saya bergerak ke arah pelajar apabila bertanyakan soalan sementara menanti jawapan pelajar semasa proses PdPc	-	11.7	3.3	41.7	43.3	4.16	.95
5	Saya menggunakan gerak mata (<i>eye-contact</i>) dengan pelajar semasa berkomunikasi dalam PdPc	-	-	-	40.0	60.0	4.60	.49
6	Saya menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi dengan pelajar	-	-	1.7	43.3	55.0	4.53	.53
7	Saya berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pelajar	-	-	-	45.0	55.0	4.55	.50
8	Saya menggalakkan komunikasi dua hala dengan pelajar semasa proses PdPc dijalankan	-	-	-	36.7	63.3	4.63	.48
9	Saya memberikan pengukuhan positif (pujian, ganjaran dan penghargaan) di atas kejayaan pelajar dalam menjawab soalan	-	5.0	3.3	41.7	50.0	4.36	.78
10	Saya mengganggukkan kepala sebagai tanda perhatian terhadap jawapan yang diberikan pelajar semasa PdPc	-	1.7	5.0	46.7	46.7	4.38	.66

* Petunjuk: STK – Sangat Tidak Kerap; TK – Tidak Kerap; TP – Tidak Pasti; K – Kerap ; SK – Sangat Kerap ; S.P – Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 1 di atas didapati 10 item yang berkaitan tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-nafs* (jiwa) dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar mencapai skor min yang tinggi (min=4.16) ke atas. Perincian skor mendapati bahawa item “Saya menggalakkan komunikasi dua hala dengan pelajar semasa proses PdPc

dijalankan” mencatat min yang tertinggi iaitu (min=4.63) di mana 63.3% responden sangat kerap mengamalkan komunikasi menerusi unsur tersebut serta 36.7% responden kerap mengamalkan item tersebut. Begitu juga dengan item yang pertama iaitu “Saya mengamalkan sesi suai kenal dengan pelajar pada hari pertama pertemuan PdPc” mencatat min yang kedua tertinggi iaitu min=4.61 dengan 61.7% responden sangat kerap mengamalkannya manakala 38.3% orang responden kerap mengamalkan item yang dikatakan.

Penemuan ini selaras dengan kajian Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2014) yang mengatakan guru harus bersifat penyayang dan menunjukkan memek muka yang ceria apabila berhubungan dengan pelajar, sering menggunakan nada suara yang tidak membosankan pelajar untuk mendengarnya dan bertutur dengan variasi rangsangan. Menurutnya lagi, guru juga perlu mengelakkan penggunaan amalan kepimpinan secara autokratik dan harus menggunakan gaya kepimpinan secara demokratik dengan melayan idea dan percakapan pelajar semasa proses PdPc dijalankan. Selanjutnya, guru sebagai seorang pendidik yang baik perlu menunjukkan sifat mesra dengan para pelajarnya. Aktiviti suai kenal adalah suatu aktiviti yang baik dan berfaedah bagi membolehkan guru bergaul serta mewujudkan hubungan yang baik dengan para pelajar. Sifat ingin tahu dan keinginan untuk mengenali para pelajar dengan lebih dekat sangat penting bagi membolehkan mereka mendapat maklumat mengenai setiap pelajarnya dan menangani setiap masalah para pelajarnya.

Dapatan kajian itu juga bertepatan dengan kajian beberapa pengkaji barat seperti Taylor (1962), Evan (1962) dan Hollis (1975) yang terkandung dalam Noran Fauziah & Ahmad Mahzan (1990) yang mendapati antara tingkah laku dan komunikasi yang disukai oleh pelajar ialah komunikasi kemanusiaan yang mementingkan unsur-unsur kejiwaan seperti guru perlu mempunyai sikap yang baik hati, peramah dan sabar sewaktu mengajar. Selain itu, suara guru memainkan peranan yang penting dalam percakapan dan penyampaian ketika proses PdPc dijalankan. Justeru, guru mestilah menggunakan nada suara yang jelas dan ayat yang mudah difahami semasa proses pengajaran diadakan dan tidak menggunakan penggunaan ayat yang kabur, berputar belit serta berjela-jela. Komunikasi berbentuk dua hala perlu digunakan dengan menggunakan ayat yang pendek dan bersesuaian dengan tahap pelajar-pelajar adalah perlu ditekankan oleh guru. Guru juga seharusnya mempunyai suara yang berkualiti seperti sedap didengar dan mempunyai rasa kemesraan serta keupayaan mengimbangi antara *volume, pic*, kadar kelajuan dan kualiti. Kajian Mok Soon Sang (2012) mendapati terdapat beberapa kemahiran dalam menangani masalah komunikasi iaitu guru perlu berkomunikasi dengan suara yang jelas dan kadar percakapan yang bersesuaian dengan tahap pemikiran pelajar-pelajar. Di samping itu, guru perlu mengelakkan penggunaan nada suara yang membosankan dan seharusnya guru perlu menggunakan nada variasi rangsangan untuk menarik perhatian pelajar-pelajar untuk mendengarnya.

Manakala, aspek bahasa merupakan item yang mendapat skor yang tinggi dalam pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur jiwa. Justeru, aspek bahasa merupakan aspek yang harus ditekankan oleh pensyarah ketika berkomunikasi dengan pelajar-pelajar mereka. Hal ini selari dengan kajian Hashim Deraman et al. (2007) yang menyatakan antara keberkesanan komunikasi dalam PdPc ialah guru perlu mengkaji penguasaan bahasa pelajar-pelajar mereka. Ini akan dapat menarik minat pelajar untuk menerima isi kandungan pembelajaran mereka. Selain itu, guru harus menggunakan bahasa yang mudah difahami dan perlu mengelakkan penggunaan istilah yang susah. Sementara itu, kajian oleh Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2014) menyatakan aspek bahasa merupakan perkara yang penting untuk menguasai orang lain. Tingkah laku pelajar boleh dikawal oleh guru dalam bilik darjah apabila mereka menggunakan bahasa yang boleh diterima oleh pelajar-pelajar serta penggunaan bahasa yang penuh semangat.

Manakala item yang mencatatkan skor yang terendah adalah item soalan 4 iaitu “Saya bergerak ke arah pelajar apabila bertanyakan soalan sementara menanti jawapan pelajar semasa proses PdPc”. Skor min yang dicatatkan adalah (min=4.16). Seramai 43.3% orang sangat kerap mengamalkannya, diikuti 41.7% orang kerap, 3.3% orang tidak pasti, 11.7% orang tidak kerap mengamalkan item yang dikemukakan. Walaupun begitu, item soalan ini berada pada tahap yang tinggi jika merujuk kepada jadual skor min.

Hasil kajian Khairul Anuar A. Rahman (2012) juga mendapati guru perlu mempunyai tahap tenaga yang mencukupi kerana hal ini akan memberikan gambaran terhadap emosi dan jiwa guru sama ada cergas, bersemangat, letih, lesu atau tidak berminat. Guru yang berkeadaan bersemangat dalam pengajarannya seperti sentiasa bergerak ke arah para pelajarnya akan turut mempengaruhi semangat pembelajaran pelajar-pelajarnya. Manakala para pelajar sering menggeleng-geleng kepala mereka untuk menggambarkan mereka tidak tahu terhadap sesuatu perkara di samping guru juga akan melakukan

perkara sedemikian. Guru juga akan mengangguk-angguk kepala mereka untuk menunjukkan tanda setuju dan juga untuk memberi perhatian di atas interaksi dengan pelajar-pelajarnya.

2. Unsur *al-'Aql* (Akal)

Bagi unsur *al-'Aql* (akal) terdapat lima item soalan yang disediakan dalam mengenal pasti tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian terhadap item soalan tersebut berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min= 4.27). Analisis taburan min secara terperinci bagi semua item soalan berada pada tahap yang tinggi. Analisis keseluruhannya dapat dilihat menerusi jadual 2 seperti berikut:

Jadual 2: Taburan Peratusan, Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Pengamalan Komunikasi Kemanusiaan Menerusi Unsur *al-'Aql* (akal) Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Premier Ketika Berkomunikasi Dengan Pelajar.

Bil	Pernyataan	Peratus (%)					Min	S.P
		STK	TK	TP	K	SK		
1	Saya mengemukakan soalan yang mampu merangsang pemikiran pelajar semasa PdPc	-	-	8.3	53.3	38.3	4.30	.61
2	Saya menggunakan ayat yang sesuai dengan tahap keupayaan pemikiran pelajar	-	-	5.0	56.7	38.3	4.33	.57
3	Saya menyediakan aktiviti kelas yang menggalakkan pelajar untuk mengembangkan idea-idea sendiri berkaitan topik pembelajaran	-	5.0	15.0	55.0	25.0	4.00	.78
4	Saya menggalakkan aktiviti perbincangan dalam kumpulan untuk mengembangkan kemahiran berfikir dikalangan pelajar	-	5.0	5.0	45.0	45.0	4.30	.78
5	Saya memberi maklum balas yang baik terhadap pertanyaan pelajar-pelajar semasa berkomunikasi dalam PdPc	-	-	-	53.3	46.7	4.46	.50

* Petunjuk: STK – Sangat Tidak Kerap; TK – Tidak Kerap; TP – Tidak Pasti; K – Kerap ; SK – Sangat Kerap ; S.P – Sisihan Piawai

Berdasarkan jadual 2 di atas yang melibatkan analisis data pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-'Aql* (akal) dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar didapati skor min keseluruhannya adalah min=4.27 yang mana menunjukkan pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-'Aql* (akal) pada tahap tinggi. Analisa juga menunjukkan item soalan 5 iaitu “Saya memberi maklum balas yang baik terhadap pertanyaan pelajar-pelajar semasa berkomunikasi dalam PdPc” mencatatkan skor yang paling tinggi iaitu min=4.46 di mana 46.7% responden sangat kerap mengamalkan item yang dikemukakan manakala 53.3% orang kerap mengamalkan dengan item yang dikemukakan. Sementara itu, item yang mencatatkan skor min yang terendah adalah item soalan 3 iaitu “Saya menyediakan aktiviti kelas yang menggalakkan pelajar untuk mengembangkan idea-idea sendiri berkaitan topik pembelajaran”. Skor min yang dicatatkan adalah min=4.00. Seramai 25.0% orang sangat kerap, 55.0% orang kerap, 15.0% orang tidak pasti dan 5.0% orang responden tidak kerap mengamalkan item yang dikemukakan.

Antara item yang mendapat skor min yang tinggi ialah item berkaitan dengan unsur-unsur penggunaan akal fikiran ketika berinteraksi dengan pelajar ketika proses PdPc. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Mok Soon Sang (2012) yang mendapati teknik menyoal harus digunakan dalam aktiviti PdPc untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir. Akal akan digunakan secara optimum melalui aktiviti ini dengan guru digalakkan menyoal dengan teknik soalan yang bercapah untuk membimbing para pelajar berfikir secara analitis, kritis dan rasional. Menurut pengkaji lagi, beberapa teknik dikesan dapat meningkatkan lagi kemahiran berfikir. Antaranya, guru perlu mengadakan aktiviti perbincangan antara pelajar dalam suatu kumpulan kecil yang membincangkan perihal isu semasa daripada segi kebaikan dan keburukannya. Selain itu, penggunaan teknik penyelesaian masalah sesuai digunakan untuk mengasah kemahiran berfikir para pelajar dalam mencari alternatif terhadap sesuatu perkara. Dapatan juga menunjukkan guru harus membimbing pelajar-pelajar meninjau dan meneliti sesuatu idea daripada sudut pandangan pelajar lain dan mereka harus berlapang dada menerima pandangan yang berbeza dengannya.

Penemuan kajian oleh Ee Ah Meng (2003) mendapati kemahiran berfikir boleh diajar kepada pelajar-pelajar dengan mendatangkan soalan-soalan yang berbentuk penghasilan generalisasi dan hipotesis. Ini kerana pelajar-pelajar akan berupaya untuk berfikir untuk mendapatkan jawapan terhadap persoalan tersebut. Manakala, guru hendaklah menggunakan soalan untuk menguji sejauh mana kefahaman para pelajar terhadap isi pembelajaran pada setiap peringkat pelajaran. Melalui aktiviti ini akan dapat meningkatkan proses pembelajaran secara berperingkat dan mudah. Sementara itu, dapatan kajian Hashim Deraman et al. (2007) menemui guru harus membangkitkan soalan-soalan yang merangsang pemikiran pelajar dengan memberi galakkan kepada pelajar untuk memberi pendapat sendiri terhadap persoalan tersebut dan bersedia untuk mempertahankan pendapat tersebut dengan cara dan gayanya yang tersendiri. Untuk itu, guru perlu menunjukkan penghormatan terhadap pendapat atau pandangan pelajar walaupun terdapat perbezaan dengan pandangannya. Elakkan daripada mengkritik idea pelajar yang kurang tepat dengan memperbaiki jawapan tersebut.

3. Unsur *al-Qalb* (Hati)

Bagi unsur *al-Qalb* (hati) terdapat 5 item soalan yang disediakan dalam mengenal pasti tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian terhadap item soalan tersebut berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min= 4.27). Analisis taburan min secara terperinci bagi semua item soalan berada pada tahap yang tinggi. Analisis keseluruhannya dapat dilihat menerusi jadual 3 seperti berikut

Jadual 3: Taburan Peratusan, Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Pengamalan Komunikasi Kemanusiaan Menerusi Unsur *Al-Qalb* (Hati) Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Premier Ketika Berkomunikasi Dengan Pelajar.

Bil	Pernyataan	Peratus (%)					Min	S.P
		STK	TK	TP	K	SK		
1	Saya memberi maklum balas yang baik terhadap pendapat atau idea pelajar semasa berkomunikasi dalam PdPc	-	-		55.0	45.0	4.45	.50
2	Saya tersenyum untuk membuatkan pelajar berasa selesa semasa PdPc dijalankan	-	1.7	5.0	50.0	43.3	4.35	.65
3	Saya membuat unsur kecindan (<i>humor</i>) bagi mewujudkan suasana ceria ketika berkomunikasi dengan pelajar	-	6.7	6.7	58.3	28.3	4.08	.78
4	Saya menunjukkan keprihatinan terhadap segala permasalahan pelajar semasa berkomunikasi dalam PdPc	-	5.0	3.3	63.3	28.3	4.15	.70
5	Saya meluangkan masa berbincang dengan pelajar tentang cara memperbaiki kelemahan mereka dalam pembelajaran	-	10.0	10.0	60.0	20.0	3.90	.83

* Petunjuk: STK – Sangat Tidak Kerap; TK – Tidak Kerap; TP – Tidak Pasti; K – Kerap; SK – Sangat Kerap; S.P – Sisihan Piawai

Berdasarkan jadual 3 didapati item soalan 1 iaitu “Saya memberi maklum balas yang baik terhadap pendapat atau idea pelajar semasa berkomunikasi dalam PdPc” memberikan skor min yang paling tinggi iaitu min=4.45. Seramai 45.0% orang sangat kerap mengamalkan unsur ini dan 55.0% orang kerap mengamalkan item yang dikemukakan dalam soalan 1. Sementara itu, skor min yang paling rendah dalam bahagian ini adalah merupakan item soalan 5 iaitu “Saya meluangkan masa berbincang dengan pelajar tentang cara memperbaiki kelemahan mereka dalam pembelajaran”. Skor minnya adalah min= 3.90. Walaupun bagaimanapun, item soalan 3 tersebut masih berada dalam lingkungan skor min yang tinggi jika merujuk kepada julat skor min dalam jadual skor min yang digunakan oleh pengkaji. Bagi item ini seramai 20.0% orang sangat kerap, 60.0% kerap, 10.0% tidak pasti dan 10.0% tidak kerap mengamalkan item ini dalam berhubung dengan pelajar.

Kajian Ab. Rahman Abu Bakar (1996) mendapati komunikasi guru akan lebih berkesan jika guru memasukkan unsur-unsur kemanusiaan seperti baik hati, peramah, mesra, sabar ketika mengajar dan membenarkan pelajar melakukan banyak aktiviti di dalam kelas. Dapatan ini selaras dengan kajian Syofia

Ulfah (et al., 2013) yang merumuskan guru yang masuk ke dalam kelas dengan penuh ceria dan mengamalkan konsep senyum dengan mudah akan mendapat respon yang positif daripada pelajar-pelajar. Dengan senyuman, keresahan pelajar-pelajar dapat diatasi dan ketegangan dapat dikendalikan dalam proses pembelajaran. Malahan jika disusuli dengan kata-kata sapaan yang bermakna seperti salam atau ucapan selamat sejahtera pelajar-pelajar akan berasa selesa dengan tingkah laku tersebut.

Penemuan kajian berkaitan personaliti guru yang bersangkutan dengan elemen hati dapat dilihat melalui kajian Mohd Shahudin Karim et al. (2016) yang mana mereka menyatakan personaliti guru yang cemerlang ialah mereka mempunyai sifat menyenangkan. Sifat menyenangkan ini dapat digambarkan melalui tingkah laku seperti mempunyai semangat yang tinggi ketika proses pengajaran dan mesra dengan pelajar-pelajar dan sering mendengar pendapat dan idea pelajar-pelajarnya. Oleh itu, personaliti guru ini mempunyai ciri-ciri yang berkualiti menerusi unsur-unsur kemanusiaan seperti lembut hati, percaya pada diri, lemah lembut dan baik hati. Dapatan ini disokong oleh kajian Mohd Safiee Hj. Idris et al. (2008) dengan menambah seorang guru yang mudah mesra, sentiasa tersenyum, peramah, baik hati dan sebagainya akan menjadi *role model* kepada pelajar-pelajarnya dan mereka secara tidak langsung dididik untuk mengikut jejak langkah guru mereka.

Selain itu, kajian Khairul Anuar A. Rahman (2012) dan Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2014) mendapati bahawa antara ciri guru yang berkesan dalam pengajaran ialah guru yang bijak menggunakan elemen komunikasi tanpa lisan melalui ekspresi muka. Ekspresi muka yang baik dan sesuai mestilah selaras dengan perkataan yang diucapkan sama ada sedih, marah, senyum, gembira atau simpati. Air muka dapat memastikan jalinan komunikasi yang akan berlaku antara guru dengan pelajarnya. Sebagai contohnya, jalinan komunikasi antara mereka tidak akan mesra jika guru pada pertemuan pertama menunjukkan air muka yang masam. Manakala jalinan komunikasi mereka akan lebih mesra dan positif jika guru menunjukkan air muka yang jernih. Seterusnya, guru yang mudah senyum dapat memberi kelebihan dan keselesaan dalam berkomunikasi dan guru perlu mengelakkan daripada memberi senyuman yang palsu kerana ia dapat dikesan oleh pelajar-pelajar.

5.2 Mengenalpasti perbezaan pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam PdPc berdasarkan taraf pendidikan dalam kalangan pensyarah politeknik Sultan Azlan Shah

Analisis Varian Satu Hala (ANOVA) digunakan untuk membandingkan min sekurang-kurangnya dua kumpulan tetapi dalam kebanyakan kes tiga atau lebih min digunakan untuk membuat perbandingan. Elemen-elemen yang terlibat ialah taraf pendidikan dan pengalaman mengajar. Oleh itu, hipotesis perlu dibuat untuk menguji dapatan yang diperolehi. Oleh itu, hipotesis yang dibangunkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

Ho 1: Min pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam kalangan pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah dalam PdPc berdasarkan taraf pendidikan adalah sama.

Ha 1: Sekurang-kurangnya terdapat satu min pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam kalangan pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah dalam PdPc berdasarkan taraf pendidikan adalah berbeza.

Jadual 4: Perbezaan Pengamalan Komunikasi Kemanusiaan pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah Dalam PdPc Berdasarkan Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	N	Min	Sisihan Piawaian
Diploma	1	4.14	.00000
Ijazah Sarjana Muda	29	4.38	.39836
Ijazah Sarjana	30	4.25	.38298

	Sum of Squares	df	Mean square	F	Sig.
Between Group	.258	2	.129	.845	.435
Wthin Group	8.697	57	.153		
Total	8.955	59			

Analisis Anova dijalankan untuk melihat perbezaan di antara taraf pendidikan dengan pengamalan komunikasi kemanusiaan pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah ketika berkomunikasi dalam PdPc dengan pelajar. Pengamalan komunikasi kemanusiaan ketika berkomunikasi dengan pelajar

dalam PdPc di banding dengan 3 taraf pendidikan yang berbeza iaitu Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan PhD. Nilai min dan sisihan piawai di tunjukkan pada jadual 4. Diploma (M=4.1444, SP=.0000), Ijazah Sarjana Muda (M=4.3828, SP=.39836) dan Ijazah Sarjana (M=4.2585, SP=.38298).

Hasil analisis Anova menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada nilai $p > 0.5$ di antara taraf pendidikan dalam pengamalan komunikasi kemanusiaan pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah ketika berkomunikasi dalam PdPc dengan pelajar $F(2,57) = .845$, $p=0.435$. Ini menunjukkan bahawa hanya terdapat perbezaan yang kecil sahaja di antara taraf pendidikan dalam pengamalan komunikasi pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah ketika berkomunikasi dalam PdPc dengan pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian Mohd Safiee Idris et al. (2008) yang menyatakan kelulusan akademik tidak menjamin seseorang itu menguasai komunikasi dengan baik. Contohnya, penjual ubat di jalanan berkemungkinan mahir menguasai komunikasi yang berkaitan struktur badan jika dibandingkan dengan pensyarah dalam bidang biologi.

5.3 Mengenalpasti perbezaan pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam PdPc berdasarkan pengalaman mengajar dalam kalangan pensyarah politeknik Sultan Azlan Shah

Ho 2: Min pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam kalangan pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah berdasarkan pengalaman mengajar adalah sama.

Ha 2: Sekurang-kurangnya terdapat satu min pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam kalangan pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah berdasarkan pengalaman mengajar adalah berbeza.

Jadual 5: Perbezaan Pengamalan Komunikasi Kemanusiaan Pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah Dalam Pdpc Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	N	Min	Sisihan Piawaian
1 – 5 Tahun	3	4.8111	.17276
6 – 10 Tahun	29	4.3496	.37999
11– 15 Tahun	20	4.2214	.40747
16 – 20 Tahun	4	4.0444	.20453
21 – 25 Tahun	2	4.2389	.20428
26 Tahun dan keatas	2	4.6722	.14928

	Sum of Squares	df	Mean square	F	Sig.
Between Group	1.508	5	.302	2.187	.069
Wthin Group	7.447	54	.138		
Total	8.955	59			

Analisis Anova dijalankan untuk melihat perbezaan di antara pengalaman mengajar dengan pengamalan komunikasi kemanusiaan pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah ketika berkomunikasi dalam PdPc dengan pelajar. Pengamalan komunikasi kemanusiaan ketika berkomunikasi dalam PdPc dengan pelajar di bandingkan dengan 6 kumpulan pengalaman mengajar iaitu 1 – 5 Tahun, 6 – 10 Tahun, 11 – 15 Tahun, 16 – 20 Tahun, 21 – 25 Tahun dan 26 tahun dan keatas. Nilai min dan sisihan piawai di tunjukkan pada jadual 5: 1 – 5 Tahun (M=4.8111, SP=.17276), 6 – 10 Tahun (M=4.3496, SP=.37999), 11 – 15 Tahun (M=4.2214, SP=.40747), 16 – 20 Tahun (M=4.0444, SP=.20453), 21- 25 Tahun (M=4.2389, SP=.20428) dan 26 Tahun dan keatas (M=4.6722, SP=.714928).

Hasil analisis Anova menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada nilai $p > 0.5$ di antara pengalaman mengajar dalam pengamalan komunikasi kemanusiaan pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah ketika berkomunikasi dalam PdPc dengan pelajar $F(5,54) = 2.187$, $p=0.069$. Ini menunjukkan bahawa hanya terdapat perbezaan yang kecil sahaja di antara pengalaman mengajar dalam pengamalan komunikasi kemanusiaan pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah ketika berkomunikasi dalam PdPc dengan pelajar. Pengkaji merasakan tiada bezanya pengamalan komunikasi kemanusiaan berdasarkan faktor pengalaman mengajar kerana pensyarah-pensyarah baru telah dibekalkan dengan ilmu komunikasi dalam PdPc menerusi program kelayakan ikhtisas setiap pensyarah politeknik yang mengajar di politeknik yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik.

6.0 IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini adalah suatu penemuan baharu daripada perspektif ilmu pengajian Islam dan bidang komunikasi. Pada kebiasaannya, kajian mengenai komunikasi dilakukan secara umum oleh sarjana dan lebih memfokuskan kepada bentuk-bentuk komunikasi seperti komunikasi intrapersonal, interpersonal, dakwah, budaya dan sebagainya. Kajian yang berkaitan komunikasi berunsurkan kemanusiaan amat jarang dilakukan oleh para sarjana. Komunikasi kemanusiaan ini melibatkan unsur-unsur dalaman manusia seperti jiwa, akal dan hati yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian khususnya para pendidik agar matlamat menyalurkan pengetahuan dan pengalaman dapat direalisasikan dengan baik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebilangan besar pensyarah politeknik Sultan Azlan Shah mengamalkan komunikasi berunsurkan kemanusiaan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka secara bersemuka. Ini selari dengan pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2015-2025 (pendidikan tinggi) yang ingin menjadikan warga pengajian tinggi sama ada pendidik atau pelajar mempunyai ciri-ciri komunikator yang berkesan, cerdas emosi (unsur *al-Nafs*) dan mampu berinteraksi merentas budaya dengan menerapkan elemen-elemen kemanusiaan dalam aspek-aspek tersebut. Seterusnya, aspek pelan pembangunan pendidikan tersebut juga ialah penerapan elemen kemahiran berfikir (unsur *al-Aql*) dengan penekanan kepada pendidik dan pelajar supaya bersedia menghayati pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritikal dan inovatif dan berkemahiran menyelesaikan masalah dengan mengambil kira pandangan daripada hati (unsur *al-Qalb*).

7.0 PENUTUP

Keberkesanan dan kecemerlangan pensyarah dalam sesi PdPc mereka sangat bergantung kepada aspek komunikasi dengan pelajar-pelajar. Justeru, hasil daripada dapatan kajian menunjukkan pengamalan komunikasi berunsurkan kemanusiaan sangat kerap dipraktikkan oleh pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah pada sesi PdPc mereka dalam bilik kuliah. Antara unsur - unsur dalam komunikasi kemanusiaan tersebut ialah unsur *al-Nafs* (jiwa), *al-Aql* (akal) dan *al-Qalb* (hati). Oleh itu, komunikasi yang mempunyai sentuhan jiwa, kemahiran penggunaan akal serta komunikasi daripada hati sangat perlu dikuasai oleh pensyarah bagi menjamin keberkesanan proses PdPc mereka dan bagi menimbulkan penyelesaian dalam kalangan pelajar-pelajar ketika berkomunikasi dengan pensyarah mereka.

8.0 RUJUKAN

- Ab. Rahman Abu Bakar. (1996). Komunikasi Bilik Darjah. Maktab Perguruan Kota Bahru, Pengkalan Chepa, Kelantan: Jurnal Akademik.
- Armawati Arbi. (2012). Intrapersonal Communication as Root of Islamic Communication. Kertas Kerja Prosiding Annual International Conference on Islamic Studies, 5-8 November 2012.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad. 1980. Ihya' Ulum al-Din. Al-Qahirah: Subhul al-`Arab
- Ee Ah Meng. (2003). Psikologi Pendidikan II. Edisi Kedua. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hashim Deraman, Suhaimi Yusof, Ruslei Abdullah & Shaari Nawi. (2007). Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. Dlm. Sulaiman Md. Yassin, Mohd Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar (pnyt.). Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Kepimpinan Pendidikan. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Khairul Anuar A. Rahman. (2012). Disposisi Guru Berkesan: Personaliti Dan Kemahiran Komunikasi. Jurnal Akademika, 82(2) 2012: 37-44.
- Khan, Alamgir., Khan, Salahuddin., Islam, Syed Zai-Ul., Khan, Manzoor. (2017). Communication Skills of a Teacher and Its Role in the Development of the Students' Academic Success. Journal of Education and Practice, Vol. 8, No.1, 18-21.
- Mazdalifah. (2004). Komunikasi Intrapersonal Ditinjau Dari Sudut Pandang Psikologi Komunikasi. Jurnal Pemberdayaan Komunitas. September, Vol 3 Bilangan 3, 123-127.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji. (2014). Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah Dan Tingkah Laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. Jurnal Pemikir Pendidikan. Vol. 5, 59-77.

- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Safar Hashim dan Fatimah Yusoff. (1988). *Komunikasi antara manusia: Ciri-ciri penting dalam komunikasi peribadi dan komunikasi awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Mohd Safiee Hj. Idris, Hj. Ashari Sikor, Siti Zahara Binti Mohd Ariff, Mohd Zaid Mustafa, Ahmad Rizal Madar dan Latifah Md. Ariffine. (2008). *Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008
- Mohd Shahudin Karim, Rosy Talin, Bahari Md Shah, Lee Bih Ni & Musirin Mohsin. (2016). *Ciri Personaliti Berkualiti Guru Dalam Pengajaran: Sebuah Kajian Kes Dalam Kalangan Guru Sejarah Tingkatan Enam Di Daerah Penampang, Sabah*. International Conference on Language, Literature, Culture and Education 30th & 31st January, 2016, hlm. 19-28
- Mok Soon Sang. (2011). *Falsafah Pendidikan, Kurikulum & Profesionalisme Keguruan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muste, Delia. (2016). *The Role of Communication Skills in Teaching Process*. The European Preceedings of Social Behavioural Scinecess (EpSBS). 22 December 2016.
- Noran Fauziah Yaakub & Ahmad Mahdzan Ayob. (1990). *Guru dan Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sulaiman Md Yassin, Mohd. Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar (pnyt.). (2002). *Komunikasi dalam Pengajaran dan Kepemimpinan Pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. (2013). *Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspresif: Mencipta Guru Bahasa Indonesia Yang Penyayang*. GEMA Online™ Journal of Language Studies, Volume 13(1), 139 – 154.